**MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI JOHOR**

**PERMOHONAN SKIM BANTUAN DERMASISWA**
**MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI JOHOR**
**SESI 2024/2025**

## Syarat am permohonan:

1. Warganegara Malaysia dan beragama Islam
2. Lahir dan menetap di negeri Johor
3. Tidak menerima bantuan/pinjaman daripada mana-mana agensi lain
4. Mendapat tawaran rasmi daripada Bahagian Education Malaysia, Jabatan Pendidikan Tinggi

## Syarat khusus permohonan:

### (A) UNIVERSITI AL-AZHAR, MESIR

| **BIDANG PENGAJIAN: PENGAJIAN ISLAM** | |
|---|---|
| 1. Usuluddin<br>2. Bahasa Arab<br>3. Dakwah<br>4. Syariah Islamiah<br>5. Dirasat Islamiah | • Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) dengan sekurang-kurangnya pangkat **JAYYID** dan sijil tidak melebihi tempoh 3 tahun;<br>• Lulus dalam peperiksaan kemasukan ke Universiti Al Azhar (Imtihan Tahdid Mustawa peringkat Mutammayyiz) atau telah berada dalam Tahun Satu (kuliah);<br>• Pelajar hendaklah berdaftar dengan Pejabat Atase Pendidikan Johor di Mesir (wakil rasmi Kedutaan Besar Malaysia di Kaherah dan Kerajaan Johor). |
| **BIDANG PENGAJIAN: ULUM ISLAMIAH** | |
| 1. Ulum Islamiah | • Lulus semua subjek Sijil Peperiksaan Malaysia (SPM) dan sekurang-kurangnya GRED B dalam Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Bahasa Arab, Matematik, Syariah Islamiah dan Pendidikan Al-Quran Sunnah;<br>• Lulus dalam peperiksaan kemasukan ke Universiti Al Azhar (Imtihan Tahdid Mustawa peringkat Mutammayyiz) atau telah berada dalam Tahun Satu (kuliah);<br>• Pelajar hendaklah berdaftar dengan Pejabat Atase Pendidikan Johor di Mesir (wakil rasmi Kedutaan Besar Malaysia di Kaherah dan Kerajaan Johor) |

| BIDANG PENGAJIAN: QIRAAT | |
|---|---|
| 1. Qiraat | • Sijil/Diploma Qiraat yang diiktiraf kesetaraan oleh Al-Azhar;<br>• Lulus dalam peperiksaan kemasukan ke Universiti Al Azhar (Imtihan Tahdid Mustawa) atau telah berada dalam Tahun Satu (kuliah);<br>• Pelajar hendaklah berdaftar dengan Pejabat Atase Pendidikan Johor di Mesir (wakil rasmi Kedutaan Besar Malaysia di Kaherah dan Kerajaan Johor) |

**1) Keterangan :**

i. Pelajar yang memohon akan dipanggil untuk tujuan temuduga.

ii. Pelajar yang menerima Skim Bantuan Dermasiswa MAINJ dikehendaki menandatangani perjanjian penerimaan dan mematuhi kesemua syarat-syarat yang telah termaktub dalam perjanjian.

iii. Jumlah tawaran dermasiswa kepada pelajar adalah bergantung kepada tahun semasa permohonan pelajar.

iv. Maksimum empat (4) tahun pengajian sahaja.

## (B) PELAJAR DI UNIVERSITI DI JORDAN

| Universiti | Bidang |
|---|---|
| Mutah | Usuluddin, Bahasa Arab |
| Al-Bayt | Usuluddin, Fiqh wa Usul, Bahasa Arab |
| WISE | Usuluddin, Fiqh Shafie, Pengajian Al-Quran & Qiraat, Bahasa Arab |

## SYARAT DAN KELAYAKAN

1. Lulus Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dengan mendapat sekurang-kurangnya **80% bagi semua subjek; dan sekurang-kurangnya gred B+ bagi subjek Bahasa Arab dan gred B bagi subjek berkaitan Pengajian Islam (Agama/Dini/Tahfiz/Syahadah Ulya)**
2. Pelajar lepasan SPM telah berada di tahun keempat (4) pengajian.
3. Pelajar lepasan KUIJSI maksimum bantuan adalah tiga (3) tahun pengajian sahaja.

## CARA-CARA PERMOHONAN

1. Permohonan hendaklah di buat menggunakan borang Skim Bantuan Dermasiswa yang boleh di dapati melalui laman web ***www.maij.gov.my***.

2. Semua permohonan hendaklah disertakan dengan :

   2.1 Sekeping gambar berukuran passport.
   2.2 Salinan kad pengenalan pelajar.
   2.3 Salinan kad pengenalan ibu bapa / penjaga.
   2.4 Salinan Slip Gaji atau pengesahan pendapatan ibu bapa / penjaga.
   2.5 Surat tawaran pengajian universiti.
   2.6 Salinan keputusan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM)*
   2.7 Salinan keputusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)
   2.8 Salinan keputusan peperiksaan tahun semasa (terkini)
   2.9 Pengesahan tahun pengajian oleh Atase Pendidikan Johor di Mesir

3. Permohonan hendaklah dihantar sebelum **31 Julai 2024. Permohonan yang tidak menerima sebarang jawapan selepas tiga (3) bulan daripada tarikh temuduga dilaksanakan, hendaklah menganggap permohonan mereka TIDAK BERJAYA.**

4. Sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut boleh menghubungi Bahagian Agihan Zakat (Unit Dermasiswa Dan Pinjaman Pelajaran) Majlis Agama Islam Negeri Johor di talian 07-2282935 07-2282999 07-2282929 07-2282937 ext 317 atau melalui email.